

16 AUG 1998

Sabbaruddin-Maklumat

JUAL MAKLUMAT TIDAK BENAR, PENGKHIANAT PALING BESAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata perbuatan menjual maklumat negatif dan tidak benar mengenai Malaysia kepada media asing adalah pengkhianatan paling besar kepada negara.

"Bagi saya kalau ada orang macam itu, saya fikir dialah pengkhianat yang terbesar," katanya kepada pemberita selepas prebui persembahan kebudayaan sempena persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang dijadual berlangsung di sini pada November ini.

Sabbaruddin, yang juga Setiausaha Agung Umno berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin semalam mengenai perbuatan itu untuk menghalang usaha-usaha memulihkan ekonomi negara.

Prebui selama kira-kira 70 minit itu, yang diadakan di Auditorium DBKL di sini, turut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sabbaruddin berkata, beliau tidak tahu siapakah orang yang dimaksudkan oleh Daim tetapi menganggap perbuatan itu amat tidak baik.

Beliau juga berkata media tempatan perlu menggambarkan keadaan sebenar negara kepada masyarakat luar sebagai salah satu cara untuk menangkis maklumat negatif tentang Malaysia.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai kesan terhadap kedatangan pelancong asing ke Malaysia selepas Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenal pasti kepentingannya termasuk kedutaannya di Malaysia, Yemen dan Mesir sebagai antara sasaran serangan penganas antarabangsa, beliau berkata "kalau ada pelancong luar yang percaya dengan laporan itu, adalah menjadi tanggungjawab media kita untuk memastikan mereka (pelancong luar) tidak percaya."

Sabbaruddin berkata kenyataan Jabatan Negara itu berserta tindakan agensi penarafan kredit Moody's Investor Service serta Standard and Poor's mengenai ekonomi Malaysia sebagai "tidak mempunyai asas-asas yang kukuh" telah menurunkan taraf prospek ekonomi Malaysia dan menyebabkan rancangan kerajaan untuk mengumpul dana menerusi terbitan bon terpaksa ditangguhkan.

Beliau amat hairan dengan tindakan agensi penarafan kredit itu yang menyamakan taraf kredit negara dengan negara lain yang kedudukan ekonominya jauh lebih mundur daripada Malaysia, katanya.

-- BERNAMA

MHI PR